



PEMBANGUNAN NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD (NOSS) KERJA BELIA

Oleh : Norati'qah Talib

Kerja Belia secara umumnya merupakan sebuah profesion yang membantu dalam penyerlahan potensi dan bakat anak muda melalui bimbingan penerokaan potensi diri. Bidang ini bertujuan untuk memastikan keperluan pembangunan belia dapat dipenuhi sejajar dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) dan seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan strategik negara di masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, NOSS atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan dalam bidang kerja belia dibangunkan oleh IYRES dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan yang bertujuan untuk menggariskan ketrampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja belia profesional dan laluan untuk mencapai ketrampilan tersebut. Sebanyak tiga tahap NOSS telah dibangunkan iaitu NOSS Pelaksanaan Kerja Belia Tahap 3, Penyelarasan Kerja Belia Tahap 4 dan Pengurusan Kerja Belia Tahap 5.

Dalam membangunkan NOSS tersebut beberapa siri bengkel telah dilaksanakan bermula pada tahun 2018 yang melibatkan wakil daripada 10 kumpulan pelaksana DBM. Pada 26 Ogos 2019 NOSS Pelaksanaan Kerja Belia Tahap 3, Penyelarasan Kerja Belia Tahap 4 dan Pengurusan Kerja Belia Tahap 5 telah diperaku oleh Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS). Seterusnya NOSS ini akan di bawa ke dalam Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) pada awal November 2019 untuk diprakukan dan diiktiraf. Semoga dengan adanya NOSS ini dapat memberi pengiktirafan kepada semua pekerja belia di Malaysia dan seterusnya dapat membangunkan belia Malaysia!



BULETIN

FAKTA Vol 3

ISSN 2180 4044

Julai - Disember 2019

www.iyres.gov.my



SEMINAR PENYELIDIKAN BELIA KEBANGSAAN 2019 (YOURS'19)

Oleh : Shariffah Mamat

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menganjurkan Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2019 (YOURS'19) pada 7 hingga 8 Oktober 2019 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Kuala Lumpur. Penganjuran pada tahun ini merupakan penganjuran kali ke empat bermula sejak tahun 2016. Penganjuran YOURS'19 selaras dengan visi dan misi IYRES bagi menjalankan fungsi menyebarluaskan hasil penyelidikan disamping menjadi peneraju penyelidikan berteraskan pembangunan belia diperingkat serantau dan antarabangsa.

YOURS'19 telah dirasmikan oleh YB Syed Saddiq Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Beliau juga telah menyampaikan ucapan dengan bertepatan "Kesejahteraan Belia Harapan Masa Depan". Tema ini dipilih seiring dengan isu, cabaran dan perkembangan semasa belia pada masa kini. Manakala Majlis Penutup YOURS'19 disempurnakan oleh YB Steven Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

Sejumlah 31 hasil penyelidikan telah dibentangkan oleh ahli akademik, penyelidik serta pelajar siswazah daripada pelbagai bidang pembangunan belia sama ada awam dan swasta berteraskan kepada empat

subtema iaitu Sosialisasi Politik Anak Muda Penentu Masa Depan Negara, Pendayaupayaan Belia dalam Ekonomi, Pembentukan Karakter Belia dalam Arus Modernisasi, serta Media dan Masa Hadapan Belia.

Keunikan YOURS'19 pada tahun ini adalah meneruskan penganugerahan YOURS AWARD bagi menghargai penghasilan artikel terbaik. Artikel ini dinilai oleh para juri berdasarkan kepada 14 kriteria pemilihan dan diselaraskan dengan pemilihan tema. Penerima YOURS AWARD 2019 adalah Mohd Amirul Rafiq bin Abu Rahim dari Khazanah Research Institute (KRI) dengan artikel bertajuk "Peralihan dari Alam Sekolah ke Alam Pekerjaan dari Perspektif Belia dan Majikan di Malaysia". YOURS'19 juga menampilkan panel pembentang jemputan khas iaitu YBrs. Dr. Muhammed Abdul Khalid, Penasihat Ekonomi kepada YAB Perdana Menteri Malaysia. Beliau membuat pembentangan bertajuk "Ketidakupayaan Belia Bersaing dalam Sektor Ekonomi".

IYRES menjangkakan pelaksanaan YOURS'19 menjadi platform utama di negara kita untuk menyebarluaskan hasil penyelidikan khusus dalam pembangunan belia bagi dimanfaatkan oleh semua pemegangtaruh pembangunan belia di Malaysia.





MERANCAKKAN BUDAYA PENYELIDIKAN MELALUI YRES COMMUNITY ENUMERATOR (ICE)

Oleh : Shah Romnizam Ramli

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah merencana pembangunan belia yang lebih positif dengan mewujudkan IYRES Community Enumerator (ICE). ICE ini ditubuhkan adalah untuk melatih golongan belia yang berminat mendalami bidang penyelidikan belia menerusi pendekatan yang komprehensif dan berkesan. Pelbagai elemen positif diterapkan kepada mereka dalam melaksanakan aktiviti ICE ini seperti aspek kesukarelaan, kepimpinan, Integriti dan saling bekerjasama tidak mengira jantina atau pun etnik. IYRES telah mewujudkan ICE bermula pada tahun 2014 dan dilancarkan sempena Hari Belia Negara.

Antara perkhidmatan ICE yang ditawarkan kepada golongan belia ialah Enumerator, Pengekod Data dan *Transcriber*. Tugas Enumerator adalah menjalankan aktiviti pengumpulan data melalui edaran Instrumen kepada responden. Manakala tugas Pengekod Data dan *Transcriber* adalah lebih memasukkan sesuatu data/maklumat yang diterima daripada bentuk hardcopy atau bahan rakaman ke dalam sesuatu perisian untuk memudahkan proses analisa. Sehingga kini, IYRES telah mengumpulkan seramai 480 orang ahli ICE seluruh Malaysia meliputi 289 Enumerator dan 191 Pengekod Data yang membantu penyelidik IYRES dalam melancarkan gerak kerja penyelidikan belia.

IYRES juga telah melaksanakan Bengkel Pemantapan ICE kepada 221 orang meliputi belia berumur 21 hingga 40 tahun. Inisiatif ini dilaksanakan yang berfokuskan Semenanjung Malaysia adalah untuk

meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi ahli-ahli ICE yang lebih dikenali sebagai *Crew ICE*. Selain itu juga, dengan adanya bengkel ini, para peserta juga dapat memupuk pembudayaan penyelidikan dengan lebih baik melalui pendedahan fungsi dan peranan ICE serta tatacara pengumpulan data kajian di lapangan dengan betul.

Bengkel tersebut dijalankan sebanyak 4 zon iaitu Zon Selatan (Negeri Johor dan N.Sembilan), Zon Tengah (Negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya), Zon Pantai Timur (Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu) dan Zon Utara (Negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis). Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah penyebaran berkaitan IYRES, Metodologi penyelidikan, IYRES Community Enumerator (ICE), Kaedah pengumpulan data dan celik data. Selain itu, pihak IYRES juga menyediakan satu latihan dalam kumpulan untuk mengetahui pengetahuan para peserta berkaitan penyelidikan serta permainan interaktif melalui platform Kahoot!.

Dengan adanya program ICE ini, golongan belia mendapat pelbagai manfaat dengan memperoleh maklumat atau input yang sah kepada sesuatu perkara yang dikaji. Selain itu, program ini secara tidak langsung juga dapat mencipta peluang pekerjaan kepada mereka yang turut serta melalui perkhidmatan ICE yang ditawarkan.

